



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KESEMBILAN BELAS
MAJLIS MESYUARAT NEGARA
(JURNAL HARIAN)**

**PADA HARI SELASA, 21 SYA'ABAN 1444 / 14HB MAC 2023
(HARI KESEMBILAN)**

1. DO'A SELAMAT

2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA

**2.1. KENYATAAN TAMBAHAN DARIPADA YANG BERHORMAT AHLI
RASMI KERANA JAWATAN**

2.1.1. Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah menyampaikan kenyataan bagi menjawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan sebelumnya oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik.

2.2. KEMENTERIAN PENDIDIKAN

2.2.1. Jawatankuasa telah menyambung bagi menimbangkan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Pendidikan iaitu Tajuk SF01A hingga Tajuk SF06A.

2.2.2. Beberapa orang Ahli Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, iaitu:

- i. Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin
 - Menyarankan untuk penambahbaikan sistem *Technical and Vocational Education and Training* (TVET);
 - Menyarankan untuk menubuhkan sekolah pendidikan khas yang lengkap bagi kanak-kanak autisme;
 - Mohon pencerahan tentang kurikulum dan kursus-kursus pertanian yang ditawarkan di Fakulti Pertanian, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA);

- Ingin mengetahui jika pihak UNISSA dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) ada membuat penyelidikan mengenai jenis-jenis penyakit tanaman padi; dan hasil penyelidikan untuk dikongsikan kepada para peladang;
- Ingin mengetahui jumlah dermasiswa Kementerian Pendidikan yang telah diberikan bagi kursus *Doctor of Veterinary Medicine* (DVM).

ii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf

- Menyarankan untuk memperkenalkan kaedah dan tatacara yang lebih efektif untuk mengatasi masalah-masalah *Programme for International Student Assessment* (PISA);
- Mencadangkan untuk mewujudkan kategori anugerah bagi pemimpin-pemimpin sekolah yang cemerlang sempena Sambutan Hari Guru;
- Ingin mengetahui jumlah penuntut-penuntut *dropout* sehingga tahun 2022;
- Ingin mengetahui jumlah penuntut yang mendapat perkerjaan selepas mengikuti kursus kemahiran sama ada dari sektor kerajaan, swasta dan persendirian; dan menyarankan untuk kursus-kursus ini lebih produktif supaya penuntut itu lebih *marketable*.

iii. Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee

- Ingin mengetahui bila Kementerian Pendidikan akan mula mengintegrasikan *computational thinking and coding* dalam kurikulum kebangsaan untuk pendidikan sekolah rendah dan menengah;
- Mencadangkan untuk bekerjasama *Authority for Info-communications Technology Industry* (AITI) untuk membangunkan *standardised programme* selama tiga hari dan menawarkan *computational thinking* kepada sekolah-sekolah rendah;
- Mengusulkan agar pihak kementerian untuk menyelidik dan mempertimbangkan *artificial Intelligence* sebagai subjek di peringkat pendidikan kebangsaan.

- 2.2.3. Tajuk SF01A hingga Tajuk SF06A telah diundi dan dipersetujui oleh kesemua Ahli Yang Berhormat, dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

2.3. KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

- 2.3.1. Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah menyampaikan mukadimahnyanya mengenai anggaran perbelanjaan dan hala tuju Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Jabatan-Jabatan dibawahnya.
- 2.3.2. Beberapa orang Ahli Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, iaitu:
- i. Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan
 - Menyoalkan mengenai status Taman Rekreasi Sungai Basong khususnya rumah-rumah budaya;
 - Ingin mengetahui apakah ada perancangan untuk menggunakan media sosial sebagai kaedah promosi sektor pelancongan; dan sekiranya ada perancangan bagi mengadakan Tahun Melawat Brunei.
 - ii. Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin
 - Mengusulkan strategi *self-sufficiency* dalam pembekalan daging-daging kerbau yang membolehkan negara mencapai sara diri dengan harga daging yang lebih murah;
 - Memohonkan agar permit/ kebenaran yang diberikan kepada beberapa syarikat lain untuk juga diberikan kepada 30 pengusaha ternakan tempatan yang boleh membantu negara dalam mencapai self-sufficient;
 - Mencadangkan untuk menggunakan peruntukan bagi membeli kerbau pembiak baka jantan dan betina pada *ratio* 1:25 yang dijangkakan boleh membiak sehingga sekurang-kurangnya 42,250 ekor pada tahun 2035.

[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN BAGI SESI PAGI DAN MAJLIS MESYUARAT DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 2.30 PETANG]

2.4. KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

2.4.1. Jawatankuasa telah menyambung untuk menimbangkan Tajuk-Tajuk di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan iaitu Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A.

2.4.2. Beberapa orang Ahli Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, iaitu:

i. Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann

- Memohon keterangan jika terdapat bantuan peruntukan yang disediakan kepada penyedia-penyedia perkhidmatan pelancongan tempatan terdiri daripada masyarakat kampung dan menaiktaraf tempat-tempat lawatan yang sedia ada.

ii. Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir

- Memohonkan pertimbangan untuk membukakan lesen menangkap ikan ke Zon 1 kepada nelayan anak-anak tempatan, dan untuk memudahkan cara permohonan lesen-lesen menangkap ikan khususnya bagi mereka yang kurang celik IT;
- Memohonkan untuk diwujudkan Perancangan Kemajuan Pelancongan Daerah Temburong yang dinamakan Eko Pelancongan sesuai dengan tema 'Temburong Permata Hijau' yang menumpukan kepada beberapa bahagian seperti *bird watching*, nature tourism, wildlife tourism, empat riadah, culture tourism - makanan tradisi dan tarian, musik, pakaian, permainan tradisi, dan kraftangan.

iii. Yang Berhormat Awang Lau How Teck

- Mencadang untuk mengadakan satu platform atau laman sesawang yang mengandungi maklumat dan keterangan sebagai pusat rujukan untuk menarik belia yang minat dalam perusahaan bidang pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan;
- Ingin mengetahui mengenai isu kawasan tapak pertanian yang belum dibersihkan dan mencadangkan agar pihak kerajaan memperuntukkan supaya tanah ini

dibersihkan dahulu, dan menyediakan kemudahan-kemudahan bekalan elektrik dan air untuk para petani dan penternak;

- Mencadangkan agar pihak kerajaan untuk membuat lawatan serta merta ke sektor pertanian bagi mengenal pasti segala isu yang dihadapi oleh para petani agar dapat ditangani dengan segera khususnya di kawasan mudah banjir;
- Mencadangkan bagi pihak Kementerian untuk menggalakkan para petani untuk memajukan infrastruktur rumah hijau bagi meningkatkan penghasilan pertanian;
- Menyarankan bagi dikaji semula research and development dalam urus tadbir sektor pertanian.

iv. Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub

- Mohon pencerahan berkenaan dengan lesen kebenaran menebang kayu balak termasuk syarat-syarat yang patut dipatuhi oleh syarikat-syarikat pembalakan di dalam memelihara alam semula jadi, harta benda kerajaan dan pihak awam; dan jika aktiviti-aktiviti mereka itu dipantau;
- Mohon pencerahan berkenaan zon-zon kawasan pembalakan yang dibenarkan di Daerah Tutong.

v. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman

- Menyentuh tentang pengawalan dalam memelihara kelestarian sungai-sungai Brunei, agar tidak dicemari dengan aktiviti-aktiviti yang boleh merosakkan ekosistem;
- Memohon pencerahan jika ada akta-akta penguatkuasaan bagi menjaga ekosistem sungai serta usaha dan langkah-langkah pihak kerajaan dalam melestarikan sungai-sungai Brunei;
- Ingin mengetahui akan usaha-usaha dalam pembiakan semula spesis ikan yang berkualiti sebagai inisiatif bagi mengelakkan kepupusan dan memberi pendapatan bagi penduduk setempat;

- Bertanya jika pihak kementerian membuat penyelidikan terhadap spesies-spesies ikan yang terdapat di sungai-sungai yang mengalami kepupusan oleh sebab pencemaran dan perubahan masa.
- Ingin mengetahui kaedah penyaluran pembiayaan baja, racun, peralatan dan mesin semburan dibawah Skim Insentif Pertanian dan Agrimakanan; dan jika bantuan ini dapat dimanfaatkan oleh para peladang-peladang kampung;
- Memohon penjelasan berkenaan proses penyuburan tanah penanaman padi; dan jika proses-proses ini menepati *Health, Safety and Environment* (HSE) yang ditetapkan;
- Membangkitkan mengenai kerosakan jalan kecil di kawasan Jalan Singap Merangking yang digunakan oleh syariat-syarikat KKP Merangking yang menyukarkan penduduk kampung untuk membuat rutin harian, dan mencadangkan untuk diambil tindakan pembaikan.

vi. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf

- Memohonkan pencerahan dalam mengatasi isu terputus bekalan elektrik di kolam ternakan udang yang telah berulang kali terjadi dan telah menyebabkan kerugian yang besar;
- Memohonkan pencerahan apakah strategi dan inisiatif-inisiatif yang lebih berkesan dalam rangka jangka masa pendek, sederhana dan panjang dalam usaha meningkatkan jumlah pelancong ke Negara Brunei Darussalam dari udara, darat dan perairan laut;
- Mencadangkan supaya pihak kerajaan dan *Government Linked Companies* (GLCs) untuk melabur di luar negeri yang mempunyai kedudukan politik yang stabil serta tanah yang subur untuk bertanam padi secara skala besar untuk memastikan *food sufficiency* memandangkan kos pengeluaran yang sangat rendah dan tenaga pekerja yang ramai;
- Memohonkan pencerahan sekiranya pihak kementerian mempunyai rancangan untuk menubuhkan sebuah

agensi untuk mempromosikan produk-produk tempatan, atau sekurang-kurangnya menyediakan platform yang strategik untuk membantu pemasaran produk tempatan.

vii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim

- Mengharapkan agar nilai pengeluaran sektor pertanian, perikanan dan perhutanan untuk dilipatgandakan supaya *supply chain* akan lebih terjamin dan kadar eksport akan lebih meningkat;
- Menyarankan agar 'Pasar Kitani' untuk dipantau bagi memastikan ianya dimiliki, diusahakan dan penjualnya terdiri dari orang tempatan;
- Mencadangkan bagi pihak Kementerian untuk membantu pengusaha yang berminat untuk mengembangkan perniagaan ke luar negara dengan mengadakan *strategic alliance* bagi membolehkan eksport negara menembusi pasaran luar;
- Mengharapkan usaha *modern farming* untuk diperbanyakkan dan untuk diberikan bantuan untuk memasarkan produk-produk keluaran;
- Mencadangkan untuk dibuat pemberitaan bagi usaha *modern farming* dan juga PMKS dalam bidang pertanian, perikanan dan bisnes lainnya; dengan membuat segmen khas di Radio Televisyen Brunei (RTB);
- Mencadangkan untuk diadakan semula *extra-curricular activities* di sekolah-sekolah bagi membuka minda penuntut untuk menceburi bidang pertanian di samping mengubah persepsi negatif kepada bidang pertanian; untuk Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mengadakan kolaborasi dengan Kementerian Pendidikan;
- Berpendapat bahawa sasaran-sasaran berkaitan kehadiran pelancong untuk disemak semula; di samping menyatakan bahawa promosi pelancongan masih kurang agresif dan sederhana;
- Mengongsikan bahawa bidang sektor pelancongan adalah amat luas sebagai contoh dalam bidang pelajaran, perubatan, *conferencing* dan *sport tourism*

yang mana Negara Brunei Darussalam mempunyai potensi besar, dan menyatakan akan pentingnya koordinasi di antara agensi-agensi;

- Mengharapkan bagi sektor pelancongan untuk diberikan peruntukan yang mencukupi supaya berjaya dalam menarik lebih banyak pelancong memandangkan jumlah yang diperuntukkan adalah sangat kecil dan tidak mencukupi bagi membina lebih banyak rangkaian infrastruktur pelancongan serta promosi dan pemasaran pelancongan;
- Mengharapkan peruntukan dengan harga rancangan sebanyak \$6 juta dibawah Tajuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Pengukuhan Produk Pakej Pelancongan Kampong Ayer untuk dapat dimanfaatkan bagi membantu Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam memajukan sektor pelancongan negara;
- Mengharapkan untuk lebih banyak *public private partnership (PPP)* yang dirancang di samping pelabur-pelabur untuk membina rangkaian pelancongan yang lebih kukuh, terarah, terkawal dan *viable* dengan menggunakan kelebihan dan *niche* Negara Brunei Darussalam.

2.4.3. Perbincangan bagi Tajuk-Tajuk dibawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan juga telah diberikan respon oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA HARI RABU, 15HB MAC 2023 JAM 9.30 PAGI]
